

**TEKS UCAPAN Y.BHG. DATUK REKTOR
SEMPENA KONVENSYEN PATRIOTISME KUTKM
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA (KUTKM)**

**TEMPAT:
SRI NEGERI
AYER KEROH, MELAKA**

**TARIKH :
16 SEPTEMBER 2006**

TEKS UCAPAN Y.BHG. REKTOR SEMPENA KONVENSYEN PATRIOTISME KUTKM, BERTEMPAT DI SERI NEGERI AYER KEROH, 4.30 PETANG, PADA 16 SEPTEMBER 2006.

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WRB. WBKTH. DAN SALAM SEJAHTERA

Y.B. DATO' DR. ADHAM BIN BABA

SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN REKTOR (AKADEMIK & PENGANTARABANGSAAN)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHD DIAH

TIMBALAN REKTOR (PENYELIDIKAN & PENGKOMERSILAN / INOVASI)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI – PEGAWAI KANAN UNIVERSITI

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI SEKALIAN,

PADA MALAM INI, ANGGAN KEMERDEKAAN 50 TAHUN, MARILAH KITA MENYAMBUT KEMERDEKAAN PERTAMANYA MARILAH KITA MENGUCAPKAN SYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN IZIN DAN RAHMATNYA DAPAT KITA BERHIMPUN PADA PETANG INI BAGI MENJAYAKAN MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN PATRIOTISME

MAHASISWA KUTKM. SEMOGA MAJLIS YANG DIADAKAN HARI INI MENDAPAT KEBERKATAN DARIPADA ALLAH SWT JUA.

SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA YB DATO' DR ADHAM BIN BABA, SETIAUSAHA PARLIMEN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI KERANA SUDI HADIR BAGI MENYEMPURNAKAN MAJLIS PERASMIAN KONVENSYEN INI. KEHADIRAN YB AMATLAH BESAR MAKNANYA KEPADA KAMI UNTUK TERUS BERUSAHA GIGIH LAGI BAGI MENGANGKAT MARTABAT BANGSA DAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

PADA 31 OGOS LALU, SELURUH RAKYAT MALAYSIA TELAH BERSAMA-SAMA MENYAMBUT ULANG TAHUN KEMERDEKAAN NEGARA YANG KE 49.

TANPA MENGIRA KAUM DAN BANGSA, KITA TELAH BERSAMA-SAMA MENGISI SAMBUTAN ITU DENGAN PELBAGAI CARA.

DI KUTKM INI, KITA MENYAMBUT KEMERDEKAAN DENGAN MENGADAKAN PELBAGAI AKTIVITI, IAITU ANTARANYA IALAH DENGAN MENGADAKAN KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG, AKTIVITI KONVOI KEMERDEKAAN OLEH PELAJAR DENGAN MEMBAWA JALUR GEMILANG MENGELILINGI SELURUH MALAYSIA SECARA BERMOTOR DAN BERBASIKAL SERTA BANYAK LAGI.

PADA MALAM DETIK AMBANG KEMERDEKAAN 31 OGOS PULA, KITA MENYAMBUT KEMERDEKAAN NEGARA DENGAN MENGADAKAN AKTIVITI DEKLAMASI SAJAK DAN PUISI, TARIAN KEBUDAYAAN, PENTHOMIN KEMERDEKAAN DAN PELBAGAI LAGI. KEMUNCAKNYA IALAH DENGAN LAUNGAN MERDEKA !!! BERSAMA-SAMA DAN

PERTUNJUKAN BUNGA API PADA TEPAT JAM 12.00 MALAM. SEMUANYA INI ADALAH GAMBARAN BERTAPA KITA SANGAT MENCINTAI NEGARA KITA MALAYSIA.

HARI INI KITA MENGISI SATU LAGI AKTIVITI PROGRAM KEMERDEKAAN DENGAN MENGADAKAN KONVENSYEN PATRIOTISME MAHASISWA KUTKM DENGAN AKTIVITI-AKTIVITI CERAMAH DAN FORUM BERKAITAN KEMERDEKAAN. USAHA INI KITA LAKUKAN AGAR KITA DAPAT MELAHIRKAN MAHASISWA YANG BERJIWA BESAR DAN MEMPUNYAI SEMANGAT PATRIOTISME YANG TINGGI TERHADAP NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

PATRIOTISME ADALAH SATU SEMANGAT DAN PERASAAN KECINTAAN KEPADA NEGARA YANG

LAHIR DARI DALAM DIRI KITA SENDIRI TANPA PAKSAAN. IA ADALAH SATU PERASAAN KECINTAAN YANG JUJUR DAN IKHLAS. APABILA PERASAAN ITU WUJUD, MAKA KITA AKAN SANGGUP MELAKUKAN APA SAHAJA WALAUPUN TERPAKSA MEMPERTARUHKAN NYAWA DEMI MEMPERTAHANKAN MARUAH BANGSA DAN NEGARA.

TETAPI SEMANGAT KECINTAAN KEPADA NEGARA TIDAK LAHIR DENGAN SENDIRINYA. IA MEMERLUKAN PENGHAYATAN DAN KESEDARAN YANG MENDALAM AKAN ERTI RAHMAT DAN BERSYUKURNYA DAPAT HIDUP DALAM NEGARA YANG AMAN MERDEKA.

MAHASISWA HARI INI PERLU MELIHAT KEPADA NEGARA-NEGARA YANG DICABULI KEDAULATANNYA. PEPERANGAN YANG BERLAKU DI PALESTIN, LUBNAN, AFGHANISTAN DAN IRAQ

PERLU DIAMBIL IKTIBAR. PENDUDUK DI NEGARA TERSEBUT HIDUP DALAM KEADAAN MENDERITA. MEREKA TIDAK MEMPUNYAI MAKANAN UNTUK DINIKMATI.

APATAH LAGI KEMUSNAHAN JIWA DAN RAGA, KEDIAMAN DAN KEMUDAHAN AWAM LAIN SEPERTI JALAN RAYA, HOSPITAL, SEKOLAH DAN SEBAGAINYA MUSNAH DENGAN BANYAKNYA. TIADA LAGI ERTI MARUAH DAN HARGA DIRI BAGI SEBUAH BANGSA YANG BERDAULAT.

DI PALESTIN, SABAN HARI MEREKA DISAJIKAN DENGAN PENINDASAN DEMI PENINDASAN OLEH REJIM ZIONIS TANPA MENGIRA ANAK KECIL, ORANG TUA, PENDUDUK AWAM DAN SESIAPA SAHAJA. MEREKA YANG TIDAK BERDOSA DIBUNUH DAN DISEKSA. MASYARAKAT DUNIA HANYA MAMPU BERSIMPATI DENGAN APA YANG BERLAKU.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

ADALAH MENJADI TANGGUNGJAWAB SEMUA RAKYAT MALAYSIA TANPA MENGIRA KAUM, BANGSA DAN AGAMA UNTUK SAMA-SAMA MEMIKUL TANGGUNGJAWAB MENGEKALKAN KEDAMAIAN DAN KEMAKMURAN NEGARA KITA MALAYSIA. SETIAP DARIPADA KITA PERLU MEMPUNYAI SIKAP UNTUK TIDAK MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI, TETAPI PERLU MENGUTAMAKAN KEPENTINGAN NEGARA DALAM APA SEGI SEKALIPUN.

SEBAGAI SEORANG PELAJAR, ANDA PERLULAH MENJALANKAN AMANAH KEPADA NEGARA DENGAN MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PELAJARAN. DENGAN CARA INI KITA AKAN MEMBAWA NEGARA KITA LEBIH DIHORMATI DAN DISEGANI PADA PERINGKAT ANTARABANGSA.

PATRIOTISME ITU BUKANLAH SEKADAR MENGANGKAT SENJATA DAN BERJUANG DI MEDAN PEPERANGAN TETAPI JUGA ADALAH PERJUANGAN UNTUK MENGANGKAT NAMA MALAYSIA SUPAYA LEBIH TERSOHOR DALAM PELBAGAI BIDANG SAMA ADA DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI, PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN, EKONOMI DAN SEBAGAINYA.

PERPADUAN NEGARA PELBAGAI KAUM PERLU DIKUKUHKAN PADA SEMUA PERINGKAT. PARA MAHASISWA HENDAKLAH MENJALINKAN SATU BENTUK IKATAN YANG PADU, KUKUH DAN UTUH SERTA MENJAUHKAN DIRI DARIPADA ISU-ISU YANG BOLEH MEROSAKKAN HUBUNGAN KAUM.

PERGOLAKAN KAUM YANG BERLAKU DI NEGARA – NEGARA YANG MEMPUNYAI MASYARAKAT MAJMUK PERLU DIAMBIL IKTIBAR SEPERTI YANG BERLAKU DI RWANDA, BOSNIA-HEZERGOVINA DAN ACHEH.

JAUHKAN DIRI DARI BERSIFAT EKSTREMIS TETAPI AMALKANLAH SIFAT KESEDERHANAAN DAN BERTOLAK ANSUR.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI,

AKHIR KATA SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENINGATKAN KEPADA MAHASISWA KUTKM BAGI MEMPERTINGKATKAN JATI DIRI SERTA MENJADI MAHASISWA YANG KENTAL MENTAL DAN FIZIKALNYA. PERTAHANKANLAH NEGARA KITA DARI SEBARANG BENTUK ANCAMAN KERANA 'NEGARA KITA ADALAH TANGGUNGJAWAB KITA'.

SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WAL HIDAYAH WSM WBT.